



KENYATAAN MEDIA

PENGOREKAN PASIR DAN POPULASI KELIP-KELIP DI KG. KUANTAN

Kerajaan Negeri Selangor amat komited dalam memastikan aktiviti pengorekan pasir dijalankan berdasarkan prosedur yang dibenarkan. Pengorekan pasir ini dijalankan bukan hanya sebagai hasil kepada negeri, malah ianya perlu dilakukan sebagai langkah untuk mendalamkan sungai bagi mengelakkan banjir dan pendedahan yang mengakibatkan sungai semakin cetek. Walaubagaimanapun, aktiviti pengorekan pasir ini dikawal melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB). Tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti pengorekan pasir yang tidak melalui prosedur yang ditetapkan telah diambil tindakan oleh LUAS dan kompaun telah dikeluarkan.

Di dalam mesyuarat bersama dengan Yang Berhormat Menteri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 5 Februari yang lepas, Negeri Selangor telah disebutkan sebagai antara dua negeri di Malaysia yang mempunyai pengurusan spesies kelip-kelip yang baik dan mapan. Di dalam usaha untuk memastikan populasi kelip-kelip di Kg. Kuantan terus terpelihara, Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS melaksanakan beberapa inisiatif yang terdiri daripada;

1. Mewartakan kawasan kelip-kelip Kg. Kuantan sebagai Zon Perlindungan di bawah Enakmen LUAS 1999 yang dapat meningkatkan kawalan terhadap kawasan tersebut daripada pencerobohan. Ianya telah diwartakan pada tahun 2009.
2. Memastikan baki aliran air Sg. Selangor mencukupi sebanyak 300 juta liter sehari (JLH) iaitu paras yang diperlukan untuk memastikan populasi kelip-kelip di Kg. Kuantan berkembang dan membiak.
3. Menggiatkan lagi program-program penanaman pokok Berembang bukan sahaja oleh LUAS, malah pihak-pihak lain seperti jabatan/agensi negeri yang lain serta badan-badan bukan kerajaan seperti Kelab Inspirasi Kawa. Penanaman semula



pokok Berembang ini adalah langkah kepada pemuliharaan habitat kelip-kelip untuk jangka masa yang panjang.

Program terkini yang dilaksanakan oleh LUAS adalah penanaman pokok Berembang di kawasan kelip-kelip Kg. Kuantan pada 7 Februari yang lalu bersama peserta-peserta daripada Network of Asian River Basin Organization (NARBO) Integrated Water Resources Management (IWRM) Training for Sustainable Development seramai anggaran 50 orang.

Disediakan oleh:

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR